

Bantahan campurtangan asing
Utusan Online
18 April, 2013

JOHOR BAHRU 17 April - Barisan Nasional (BN) Pasir Gudang hari ini membuat bantahan terhadap penggunaan kenderaan berdaftar di Singapura yang terlibat dalam kempen pilihan raya umum di negara ini.

Bantahan itu dibuat sekumpulan ahli BN Pasir Gudang secara aman di pekarangan bangunan City Square, di sini selain turut menyerahkan memorandum bantahan kepada wakil Konsulat Jeneral Singapura di negeri ini.

Mereka turut berkumpul sambil mengangkat kad yang antaranya tertera perkataan Tindakan Biadap Negara Jiran, Malaysia Negara Yang Berdaulat, Jangan Campur Urusan Negara Kami dan Jangan Campur Pilihan Raya Malaysia.

Menurut Ketua Penerangan BN Pasir Gudang, Dahari Hassan, bantahan itu dibuat kerana mereka menganggap ia satu perbuatan yang biadap apabila ada kenderaan Singapura yang menampal pelekat tertulis 'Bersihkan Malaysia'.

"Baru-baru ini, kita menemui sebuah kenderaan berdaftar di Singapura yang berkempen dipercayai untuk pakatan pembangkang dengan melekatkan pelekat yang dianggap biadap di Taman Molek, di sini.

"Kita tidak kisah sekiranya ia kenderaan berdaftar di negara ini, namun ia jelas kenderaan berdaftar dari negara lain. Jadi, ia tidak sepatutnya berlaku kerana seolah-olah mencampuri urusan negara kita," katanya kepada pemberita di sini.

Yang turut hadir, Setiausaha Penerangan Parlimen Pasir Gudang, Ibrahim Ismail dan Ketua Penerangan MCA Bahagian Pasir Gudang, Tan Tuan Peng.

Dahari berkata, pihaknya juga telah membuat laporan di Balai Polis Johor Jaya pada 11 April lalu.

Sehubungan itu, Dahari mahu kerajaan dan Kementerian Dalam Negeri mengambil tindakan tegas atau menghalang kenderaan berdaftar dari negara terbabit yang bertindak melekatkan pelekat kata-kata biadap itu daripada memasuki negara ini.

"Kita juga mahu kerajaan Singapura mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana individu atau kumpulan atau kenderaan berdaftar di sana supaya tidak mencampuri urusan pilihan raya di negara ini.

"Kita juga tidak mahu hubungan kedua-dua negara ini yang baik terjejas disebabkan perkara seumpama itu," katanya.

Dalam pada itu, Ibrahim percaya bukan hanya sebuah tetapi banyak lagi kenderaan berdaftar dari Singapura melakukan perkara serupa, seolah-olah kerajaan republik itu menyokong tindakan tersebut.

Menurutnya, tindakan itu juga seolah-olah mengesahkan khabar angin mengatakan sebuah parti politik negara jiran mencampuri urusan pilihan raya umum di negara ini dengan berkempen bagi sebuah parti pembangkang.

Sementara itu, Konsulat Jeneral Singapura di Johor Bahru menyatakan bahawa negara itu tidak akan campur tangan dalam politik domestik negara lain.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan, mereka juga berharap agar negara lain juga tidak pula campur tangan dengan politik domestik Singapura.

"Konsulat Jeneral Singapura di Johor Bahru telah menerima memorandum tentang kenderaan berdaftar di negara itu yang melekatkan logo menyokong kempen parti politik di Malaysia.

"Tindakan yang dilakukan oleh individu ini masih tidak ketahui status kewarganegaraan mereka," jelas kenyataan itu hari ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130418/px_37/Bantah-campur-tangan-asing#ixzz2ZuYt4gWB

© Utusan Melayu (M) Bhd